

JENIS-JENIS PERSARAAN

DI BAWAH SKIM PENCEN
SEKTOR AWAM

HAL EHWAL PENCEN

PERKHIDMATAN	AKTA PENCEN	PERATURAN PENCEN
Perkhidmatan Awam Persekutuan dan Negeri	Akta Pencen 1980, Akta 227	Peraturan-Peraturan Pencen 1980
Badan Berkanun dan Kuasa Tempatan	Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, Akta 239	Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan 1990

BUKAN SUATU HAK MUTLAK

“Tiada seseorangpun boleh mempunyai hak mutlak untuk mendapat pampasan bagi perkhidmatan yang lepas atau untuk mendapat apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain faedah di bawah Akta ini”.

SEKSYEN 3 AP 1980

PEMBERIAN PENCEN

“Yang Di Pertuan Agong boleh memberi pencen, ganjaran dan lain-lain faedah kepada seseorang pegawai berpencen apabila:-

- (a) dipaksa bersara dibawah Seksyen 10; atau
- (b) memilih bersara di bawah Sekyen 12 setelah genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun perkhidmatan yang boleh dimasukkira; atau
- (c) bersara di bawah Seksyen 11”

SEKSYEN 9 AP 1980

“PEGAWAI / PEKERJA BERPENCEN”

- AWAM
 - Pegawai yang telah diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen di bawah Seksyen 7 atau yang disifatkan sebagai seorang pegawai berpencen di bawah Seksyen 8.
 - SUMBEER: Sek 2 AP 1980, A 227
- BBKT
 - Seseorang pekerja yang telah diberi taraf berpencen di bawah Seksyen 6 atau yang disifatkan sebagai telah diberi taraf berpencen di bawah Seksyen 7.
 - SUMBEER: Seksyen 2 AP BBKT 1980, A 239

PEMBERIAN TARAF BERPENCEN

7. Pemberian taraf berpencen

Seseorang pegawai tetap boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah –

(a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan

(b) genap tempoh selama tidak kurang daripada tiga tahun perkhidmatan yang boleh dimasukira.

(Seksyen 7 AP 1980, A 227)

PELAKSANAAN OPSYEN KWSP

“Seseorang pegawai yang dilantik pada atau selepas mula berkuat kuasanya seksyen ini hendaklah, sebelum disahkan dalam jawatannya, berhak untuk memilih skim Kumpulanwang Simpanan Pekerja”.

SEKSYEN 6A AP 1980

PERKHIDMATAN YANG BOLEH DIMASUKIRA

Sama ada “sementara atau tetap” di bawah Peraturan 5 PPP 1980:

A	Tempoh pegawai telah bertugas;
B	Tempoh bercuti dengan bergaji;
C	Tempoh bercuti tanpa gaji atas dasar awam;
D	Tempoh dalam pinjaman atau pertukaran sementara.

JENIS PERSARAAN

	JENIS	AP 80, A 227
1	WAJIB – MENCAPAI UMUR 56 TAHUN	10 (1)
2	KESIHATAN	10 (5) (a)
3	PENGHAPUSAN JAWATAN	10 (5) (b)
4	SUSUN SEMULA ORGANISASI	10 (5) (c)
5	DEMI KEPENTINGAN AWAM	10 (5) (d)
6	KEWARGANEGARAAN MALAYSIANYA	10 (5) (e)
7	MEMBERI MAKLUMAT PALSU	10 (5) (f)
8	KEPENTINGAN NEGARA	11 (a)
9	KEPENTINGAN PERKHIDMATAN AWAM	11 (b)
10	PILIHAN SENDIRI	12
11	DISIFATKAN TELAH BERSARA	12A

PERSARAAN WAJIB

- Hendaklah bersara apabila mencapai umur 56 tahun. (Seksyen 10 (1) AP 1980, A 227)
- Tidak boleh bersara jika perbicaraan jenayah atau TTT bagi tujuan buang kerja belum selesai. Dikira cuti tanpa gaji (10 (2) AP)

OPSYEN UMUR BERSARA 56 TAHUN

- JIKA DILANTIK SEBELUM 11/10/2001
- PILIHAN UMUR BERSARA DICATAT DALAM BRP

- AP (PINDAAN) 2001, A 1124
- PP 3/2001

PANTANG LARANG ?

TINDAKAN MAHKAMAH ATAS KES
JENAYAH; ATAU

TTT BAGI TUJUAN BUANG KERJA

Seksyen 10 (2) AP 1980, A 227

TAK BOLEH BERSARA

“Jika seseorang pegawai mencapai umur lima puluh enam tahun, dan suatu perbicaraan jenayah atau tindakan tatatertib yang mungkin berkeputusan dengan ia disabitkan atau buang kerja belum lagi selesai, maka perkhidmatannya hendaklah disifatkan sebagai telah dilanjutkan melampaui umur itu tetapi dikira cuti tanpa gaji sehingga kesnya diputuskan.”

SEKSYEN 10 (2) AP 1980

HAPUS JAWATAN DAN SUSUN SEMULA ORGANISASI

- Apabila jawatan yang dipegang dihapuskan.
- (Seksyen 10 (5) (b) AP 1980)
- **Apabila organisasi disusun semula.**
- “bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan dan ekonomi”
- (Seksyen 10 (5) (c) AP 1980, A 227)

BERSARA ATAS SEBAB KESIHATAN

- Pegawai tidak upaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, disebabkan oleh “kelemahan akal atau tubuh” yang mungkin menjadi kekal.
- KPPA berpuas hati atas keterangan doktor
- (Seksyen 10 (5) (a) AP 1980, A 227)

PROSEDUR

BERSARA ATAS SEBAB KESIHATAN

- DIPERIKSA OLEH LEMBAGA PERUBATAN (PA 19 BAB F 1974).
- AHLI LEMBAGA PERUBATAN BEBAS.
- KPPA / SUK BERPUAS HATI ATAS KETERANGAN DOKTOR.
- PESAKIT DIBERITAHU CADANGAN (PP 10/1995).

DEMI KEPENTINGAN AWAM

- “atas alasan bahawa pekerjaan pegawai itu telah ditamatkan demi kepentingan awam”
(Seksyen 10 (5) (d) AP 1980, A 227)
- Memburukkan, mencemarkan, bercanggahan tugas awam.
- Ditamatkan di bawah Peraturan 49 PPPA (KT) 1993.
- Tak boleh dianggap dibuang kerja di bawah Perkara 135 (2) Perlembagaan Persekutuan.
- Penyalahgunaan dadah. *Peraturan 7 (2) PPPA (KT) 1993.*
- Dikenakan perintah tahanan. *Peraturan 32 (2) PPPA (KT) 1993*
- Disabitkan jenayah, jika tak dibuang kerja. *P 29 (2) (c) PPPA*
- Gagal disahkan perkhidmatan. *Peraturan 47 (2) PPPA (PKP)*

ATAS SEBAB KEWARGANEGARAAN

- Dipakai kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 16/5/1986 (AP (Pindaan) 1986, Akta A644 atau BBKT, Akta 645) jika ia:
 - a. menjadi warganegara sebuah negara lain;
 - b. menggunakan hak negara lain;
 - c. membuat pengisytiharaan taat setia dengan negara lain; atau
 - d. dilucut hak kewarganegaraan Malaysiannya.
- . Tidak layak faedah pencen.
- . Faedah pencen diberhentikan dengan serta merta jika pegawai dilantik pada atau selepas 16/5/1984 (Seksyen 21A (1) Akta 227 atau Seksyen 23A (1) dan (2) Akta 239, mengikut mana yang berkenaan).

PERSARAAN ATAS SEBAB MEMBERI MAKLUMAT PALSU

[Seksyen 10 (5) (f) Akta 227 atau Akta 239]

1	Dipakai kepada pegawai yang dilantik pada atau selepas 12/4/1991. (AP (Pindaan) 1991 Akta A793 atau BBKT (Pindaan) 1991) Akta A794
	PERNYATAAN PALSU
	MAKLUMAT PALSU
	DOKUMEN PALSU

PERSARAAN ATAS SEBAB KEPENTINGAN NEGARA

- CEMERLANG
- BERSETUJU DENGAN SYARAT DISYURKAN BERSARA
- JIKA MENYELEWENG DALAM TEMPOH 5 TAHUN DARI TARIKH BERSARASEK 23 (2)

- SEK 11 (b) (i) AP 1980, A 227

BERSARA ATAS SEBAB KEPENTINGAN PERKHIDMATAN AWAM

- PRESTASI MEROSOT ATAS ELEMEN YANG TIDAK DAPAT DIELAK.
- BUKAN SALAH LAKU

SEK 11 (a) (ii) AP 1980, A 227

PERSARAAN ATAS PILIHAN SENDIRI

- MENCAPAI UMUR 40 TAHUN
- DIBAYAR GANJARAN DAN GCR SERTAMERTA.
- SEKSYEN 12 AP 1980, A 227

BERSARA ATAS PILIHAN SENDIRI

BILA PENCEN DIBAYAR ?

	KELAYAKAN	APABILA CAPAI UMUR
1	WANITA – DILANTIK SEBELUM 12/4/1991	45 TAHUN
2	LELAKI – DILANTIK SEBELUM 12/4/1991	50 TAHUN
3	Dilantik 12/4/1991 – 30/9/2001 tetapi memilih umur bersara 55	55 TAHUN
4	Dilantik 12/4/1991 dan memilih umur bersara 56 tahun; atau Dilantik 1/10/2001	56 TAHUN

DISIFATKAN TELAH BERSARA

- DILANTIK KE MANA-MANA ORGANISASI DENGAN KELULUSAN KERAJAAN.
- Disyaratkan berkhidmat dalam organisasi lima tahun terus menerus.
- Diberi opsyen memilih syarat perkhidmatan
- Seksyen 12A AP 1980, A 227